



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 7, Issue 1, January 2022

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Tahap Pemikiran Reka Bentuk dan Keusahawanan Sosial dalam kalangan Pelajar Universiti Awam

Shahrul Nizam Mohamad Razali<sup>1</sup>, Sheerad Sahid<sup>1</sup>, Norasmah Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Correspondence: Shahrul Nizam Bin Mohamad Razali ([fyshahrul@gmail.com](mailto:fyshahrul@gmail.com))

#### Abstrak

Pemikiran reka bentuk adalah proses yang digunakan oleh pereka untuk mencari jalan keluar bagi permasalahan yang kompleks, menerokai peluang baru atau tidak pasti, dan mencipta produk baru untuk penggunaan umum. Sektor pembuatan dan bidang kejuruteraan merupakan sektor yang sering mengaplikasikan pendekatan ini. Sejalan dengan perkembangan teknologi dunia, penerapan elemen pemikiran reka bentuk semakin meluas dan mendapat tempat dalam sektor lain. Namun, kesedaran berkenaan pengetahuan dan teknik penggunaannya dalam golongan muda masih rendah. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemikiran reka bentuk dan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam. Seramai 384 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah kajian ini menggunakan kajian tinjauan dan instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik secara tadbir sendiri. Data dalam kajian ini diuji dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Analisis deskriptif dan ujian T tidak bersandar digunakan dalam kajian ini untuk menguji tahap pemikiran reka bentuk pelajar. Data dianalisis melalui perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 25. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemikiran reka bentuk terhadap keusahawanan sosial pelajar universiti awam berada pada tahap yang tinggi. Manakala, ujian T tidak bersandar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk tahap pemikiran reka bentuk dalam kalangan pelajar universiti awam berdasarkan jantina. Implikasi dalam kajian ini mencadangkan agar konsep pemikiran reka perlu diteruskan penggunaannya dalam aspek keusahawanan. Dengan penerapan elemen yang bersistematik dalam proses pembangunan keusahawanan sosial, ia mampu memberi sumbangan kepada daya keberhasilan produk dan nilai sosial masyarakat yang tinggi untuk masa depan.

**Kata kunci:** pemikiran reka bentuk, keusahawanan sosial, pelajar universiti, kreativiti, inovasi

### The Level of Design Thinking and Social Entrepreneurship Among Public University Students

#### Abstract

Design thinking is the process used by designers to find ways out of complex problems, explore new or uncertain opportunities, and create new products for general use. The manufacturing sector and the engineering field are the sectors that often apply this approach. In line with the development of world technology, the application of design thinking elements is becoming more widespread and gaining a place in other sectors. However, awareness of the knowledge and techniques of its use among young people is still low. This study was conducted to identify the level of design thinking and social

entrepreneurship among students in Malaysia public university. A total of 384 students were selected as respondents in this study. The method of this study uses a survey study and the instrument used is a self-administered questionnaire. The data in this study were analyzed using descriptive statistics and Independent T-test to examine the level of design thinking. Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25. The findings showed that the level of design thinking on social entrepreneurship of public university students is at a high level. Furthermore, Independent T-test indicated that there were no significant differences for the level of design thinking among public university students based on gender. The implications of this study suggest that the concept of design thinking should be continued to be used in the entrepreneurial aspect. With the application of systematic elements in the process of social entrepreneurship development, it is able to contribute to product productivity and high social value of society for the future.

**Keywords:** design thinking, social entrepreneurship, university student, creativity, innovation

---

## Pengenalan

Di peringkat global, pemikiran reka bentuk adalah proses yang biasa digunakan oleh pereka untuk mencari jalan keluar bagi permasalahan yang kompleks, menavigasi persekitaran baru atau tidak pasti, dan membuat produk baru untuk kegunaan umum (Greene, 2019). Industri pembuatan dan bidang kejuruteraan merupakan sektor yang sering mengaplikasikan pendekatan ini. Pemikiran reka bentuk terdiri daripada sekumpulan kaedah yang umum dalam penyelidikan kejuruteraan, etnologi dan antropologi, reka bentuk industri serta ekonomi perniagaan (Tim & Jocelyn, 2010). Penggunaan elemen pemikiran reka bentuk ditentukan oleh proses inovasi yang berpusat pada manusia yang membina teras lanjutan seperti penerapan pola pemikiran integratif, penggunaan ruang, peranan organisasi dan pembentukan pasukan multi-disiplin. Pemikiran reka bentuk berkisar pada fokus yang mendalam untuk mengembangkan pemahaman tentang sasaran produk atau perkhidmatan yang dirancang. Ini membantu dalam mengenal pasti sifat empati dengan pengguna sasaran (Rikke Dam & Teo Siang, 2020). Elemen utama yang terdapat dalam proses reka bentuk adalah berkisar kepada kemahiran menginterpretasikan sifat empati, refleksi, penciptaan, eksperimen untuk bekerjasama, membuat dan membina penemuan. Dalam pemikiran reka bentuk, kegagalan bukanlah merupakan suatu ancaman, tetapi merupakan jalan untuk pembelajaran secara lebih mendalam. Melalui pemerhatian, sintesis, pemikiran kritis, maklum balas, kreativiti, penyelesaian masalah dan penciptaan nilai, pereka bentuk dapat menggunakan kaedah ini untuk mengenal pasti peluang usaha yang lebih unik (Acar & Rother, 2014).

Banyak negara seperti Colombia (Antonio et al., 2020), Kanada, Australia, Perancis, Belgium dan Singapura (Thompson Reuters Foundation, 2019) menggubal polisi serta merangka beberapa program untuk meningkatkan penglibatan nilai keusahawanan dalam kalangan rakyat, termasuklah Malaysia. Di Malaysia, peranan agensi kerajaan dan institusi pendidikan tinggi dalam meningkatkan minat dunia keusahawanan di kalangan pelajar terus diperkasa dari masa ke semasa (Ida & Khairul, 2016). Sebagai contoh, antaranya termasuklah mewujudkan kursus asas keusahawanan, mengadakan aktiviti keusahawanan, serta pembangunan modul kurikulum bagi membuka minat pelajar terhadap bidang keusahawanan (Norasmah et al., 2012). Hal ini selaras dengan kebolehpayaan sektor pendidikan untuk menjadi pemangkin dan penggerak kepada pembentukan masyarakat produktif yang berdaya saing (Zulnaldi & Kamil, 2018). Laporan Dasar Keusahawanan Negara 2030, menunjukkan aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan memberi kesan positif ke atas pertumbuhan ekonomi negara yang dipacu oleh faktor inovasi. Keberadaan dalam era digital serta dilonjakkan dengan revolusi teknologi maklumat, menjadikan bidang keusahawanan semakin mendapat tempat di kalangan umum. Selari dengan itu, terdapat juga beberapa faktor luaran yang menjadi pemangkin kepada kegiatan ini bergiat aktif. Selain masyarakat umum, fokus pembangunan minat ke arah keusahawanan berteraskan sosial turut diberikan kepada golongan pelajar di institusi pengajian tinggi termasuk pusat latihan teknikal. Keusahawanan sosial yang berfokus kepada kebajikan masyarakat dan penjana semula ke atas kesedaran sivik telah menjadi pencetus kepada kewujudan pelbagai program percambahan ilmu dan perkongsian yang mampu

melahirkan rakyat yang akan membantu memperbaiki taraf hidup komunitinya (Norasmah, Hariyaty & Armanurah, 2019).

Justeru, pemikiran reka bentuk dilihat berpotensi untuk menyediakan konteks di mana pelajar universiti boleh memperkembangkan kemahiran secara menyeluruh daripada peringkat awal demi melihat keberhasilan pembangunan ekonomi yang dijanakan pada masa akan datang (Rael, 2017). Penerapan model pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial haruslah dilihat dari segala sudut terutamanya kesan kepada negara dan masyarakat umum. Segala inisiatif dan usaha kerajaan kepada pelajar universiti khususnya haruslah berpandukan teori dan model keusahawanan supaya ianya memudahkan proses pembentukan generasi usahawan sosial yang mampan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 (KPT, 2016). Untuk kepentingan kajian bagi tujuan praktis, pihak kerajaan menasarkankan lebih ramai usahawan muda lepasan universiti yang berteraskan keusahawanan sosial di Malaysia terutama di kawasan luar bandar (Ibrahim, Aslina & Zaifurin, 2016). Apabila pendidikan keusahawanan diperkenalkan, pelajar mula melahirkan minat untuk menceburi bidang keusahawanan sosial. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelajar yang tidak mengetahui penggunaan elemen pemikiran reka bentuk untuk kegiatan keusahawanan sosial (Matthew et al., 2021). Dalam usaha melahirkan seorang usahawan sosial yang berjaya, penerapan model pemikiran reka bentuk mampu membuka langkah baru ke atas dunia keusahawanan di Malaysia demi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju termasuk dalam urusan perniagaan amnya.

Walaupun penerapan reka bentuk semakin mendapat tempat dalam pendidikan asas keusahawanan di kalangan pendidik (Afreen & David, 2017), masih terdapat permasalahan umum bahawa ramai beranggapan elemen dalam model pemikiran reka bentuk hanya sesuai untuk bidang kejuruteraan dan pembinaan (Nur Amelia & Lilia, 2019). Namun begitu, pendidik perlu mengubah kaedah dan pendekatan pengajaran mereka mengikut kerangka pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang disesuaikan dengan keperluan pasaran dengan melibatkan kaedah permodelan pemikiran reka bentuk dalam membentuk peribadi seorang usahawan sosial (Suhaila & Malek, 2021). Hal tersebut mampu mendorong minat pelajar untuk berkecimpung dalam dunia keusahawanan sosial apabila mereka mendapati sumbangan ke atas nilai kemanusiaan dan pengurusan akan menjadi lebih efektif.

Pemikiran reka bentuk mencari solusi pada setiap masalah sosial dan memperbaiki kaedah daripada hasil inovasi yang dicipta oleh mereka. Segala tindakan proaktif dalam memperkasakan nilai kemanusiaan tidak perlu dibatasi dengan faktor geografi individu (Tim & Jocelyn, 2010). Ini adalah kerana terdapatnya batasan capaian internet di kawasan luar bandar dalam usaha seseorang usahawan sosial tersebut untuk meneroka maklumat dan ilmu tanpa sempadan. Masalah akhirnya akan muncul setelah penerokaan yang meluas ke atas aktiviti tidak diperhalusi dengan elemen-elemen yang betul.

Tujuan kajian ini adalah untuk memperlihatkan pengaruh pendekatan pemikiran reka bentuk dalam kalangan pelajar universiti ke atas aktiviti keusahawanan sosial yang disertai. Sejauh mana gabungan kejuruteraan elemen reka bentuk membawa impak kepada faktor kemanusiaan dan kecenderungan pembangunan keusahawanan sosial di kalangan pelajar selaras dengan pertimbangan ekonomi semasa juga ingin dikaji. Perbezaan kaedah pemerksaan keusahawanan sosial melalui penggunaan elemen pemikiran reka bentuk bagi tujuan inovasi akan diuji berdasarkan sejauh mana kedua-dua item ini saling berpengaruh. Adakah wujudnya pengaruh pemikiran reka bentuk terhadap keusahawanan sosial pelajar universiti awam atau sebaliknya. Dengan menggunakan kajian ini, gambaran awal ke atas hasil perusahaan atau aktiviti oleh seseorang usahawan sosial (pelajar) dapat dilihat dengan lebih realistik. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat pengaruh tahap pemikiran reka bentuk berdasarkan faktor demografi dalam kalangan pelajar universiti? Lantaran, kepentingan penerapan pemikiran reka bentuk oleh pelajar universiti bakal mampu menggariskan tindakan yang sewajarnya untuk penyesuaian budaya dan organisasi yang lebih bersistematik dalam usaha memperkasa aktiviti keusahawanan sosial pada masa akan datang. Rentetan itu, satu kajian telah dilaksanakan bagi tujuan:

- i. Mengetahui tahap pemikiran reka bentuk keusahawanan sosial pelajar universiti awam.
- ii. Mengetahui tahap pemikiran reka bentuk berdasarkan faktor demografi.

## **Sorotan Literatur**

### ***Pengaruh Pemikiran Reka Bentuk***

Pengaruh boleh didefinisikan sebagai daya yang wujud atau timbul dari sesuatu yang membawa ikutan membentuk perwatakan, kepercayaan atau tingkah-laku seseorang. Pengaruh juga merupakan kekuatan yang timbul atau suatu daya yang menyebabkan pertimbangan sesuatu keputusan ke atas tindakan (Kamus Dewan DBP, 2017). Pengaruh pemikiran reka bentuk ini diperhalusi dalam bentuk kajian kerana tindakan seseorang individu ke atas bidang keusahawanan sosial mempunyai impak yang dapat mempengaruhi keputusan seseorang untuk bergelar sebagai seorang usahawan sosial. Pada masa yang sama membawa kepada pembangunan masyarakat. Oleh itu, tindakan individu ke atas program atau aktiviti kemasyarakatan adalah didasarkan pada kecenderungan tindakan dan keinginan sebelum melaksanakannya (Christian, 2017).

Penggunaan proses pemikiran reka bentuk telah banyak membantu tugas dengan lebih berkesan dalam beberapa cara. Walaupun proses berfikir reka bentuk berulang secara semula jadi, sekiranya tindakan pelaksanaan dimulakan dengan orientasi ini, penyusunan ke atas aktiviti tertentu menjadi lebih cekap dan baik (Lewis et al., 2020). Kecekapan ke atas penyusunan aktiviti menunjukkan bahawa pemikiran reka bentuk memudahkan pemahaman mengenai keperluan pihak berkepentingan melalui sifat empati dan kaedah maklum balas (Szostak et al., 2021). Dengan andaian bahawa syarikat mempunyai kemampuan kreatif untuk mewujudkan proses pengumpulan idea, memilih, menilai, dan melaksanakannya.

Pemikiran reka bentuk merangkumi pendekatan untuk menyelesaikan masalah yang menggunakan fasa elemen oleh pereka produk, proses, dan lingkungan komersial (Kimberly & Eliana, 2018). Dalam pada itu, penggunaan elemen pemikiran reka bentuk menghasilkan pengalaman emosi serta bentuk fizikal yang membantu pengguna memahami mengapa dan bagaimana sesuatu hasil akhir mencapai objektif yang berkesan. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa pengaruh pemikiran reka bentuk dapat menggalakkan kecenderungan hasil yang positif dan menepati kehendak pengguna. Mengaplikasikan pendekatan pemikiran reka bentuk dalam pelbagai sektor lain sebenarnya berkesan dalam penghasilan output yang lebih baik. Implikasi penggunaan pemikiran reka bentuk ke atas penghasilan konsep produk adalah lebih kreatif berbanding dengan hanya menerapkan pendekatan inovasi secara tradisional (Martin et al., 2020).

Pendedahan lanjut terhadap kesedaran ilmu berkenaan proses pemikiran reka bentuk bukan hanya bergantung kepada pihak institusi pendidikan dan keusahawanan. Masalah yang dihadapi pendidik dalam praktik profesional adalah kompleks, bervariasi, dan sukar ditangani. Isu-isu tersebut merangkumi topik pengajaran dan pembelajaran dalam penyampaian teknik pemikiran reka bentuk yang betul. Pemikiran reka bentuk dapat memberikan struktur yang mudah dicapai oleh guru dan pendidik untuk berfikir secara kreatif dalam menangani masalah praktik pendidikan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kemahiran berfikir reka bentuk dapat memberikan tabiat berfikir yang lebih bermanfaat untuk pendidik dalam menavigasi masalah dengan lebih kreatif (Danah & Carmen, 2017). Oleh itu, penerapan model berfasa yang terdapat di dalam proses pemikiran reka bentuk membantu penerokaan idea dengan meluas ketika menghadapi sesuatu permasalahan untuk memperolehi penyelesaian. Membentuk keyakinan kreatif apabila seseorang itu berfikir seperti seorang pereka bentuk (Stephanie, 2019).

### ***Keusahawanan Sosial Pelajar***

Niat keusahawanan adalah topik utama di dalam bidang pengajian keusahawanan. Ia terus menjadi topik pengetahuan yang terus berkembang dan memerlukan kajian yang lebih jauh dalam usaha memacu peningkatan ke arah pemahaman yang lebih kuat mengenai jangkaan usahawan (Kamrul, 2020). Keusahawanan sosial merupakan salah satu cabang daripada kategori keusahawanan. Keusahawanan sosial yang berjaya dapat memberikan sumbangan positif kepada masyarakat. Untuk menghasilkan output yang optimum dalam melakukan keusahawanan sosial, penggunaan kaedah reka bentuk projek yang inovatif membolehkan sasaran pengusaha sosial munasabah untuk dicapai. Keusahawanan sosial

adalah merupakan model keusahawanan yang bukan hanya mementingkan nilai sesuatu keuntungan, malah ia menekankan kepada hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang berimpak positif dan adil (Suraiya & Ahmad, 2015).

Usahawan sosial mempunyai misi sosial terhadap persekitaran. Kemewahan atau nilai untung yang besar bukanlah misi utama, namun mereka lebih mementingkan pencapaian yang diperolehi serta kesan ke atas apa yang dilaksanakan melalui misi sosial masing-masing. Kajian Carlos et al. (2019) turut mendapati bahawa penglibatan universiti awam dalam memberi aspirasi terhadap niat keusahawanan sosial ke atas pelajar turut menyumbang kepada implikasi ke atas pemangkin inovasi sosial dan inisiatif keusahawanan khususnya. Namun, keterlibatan pelajar di peringkat universiti adalah masih rendah iaitu hanya sekitar 33 peratus yang tahu mengenai sosial keusahawanan (Andriyansah & Familia, 2017). Ini mendorong pihak berkepentingan untuk terus mendidik dan meningkatkan kesedaran keusahawanan sosial dalam generasi muda. Sumbangan universiti untuk keusahawanan sosial harus ditangani secara holistik. Ini memerlukan fokus dan analisis persekitaran yang semakin kompetitif. Persekitaran ini telah mendorong institusi pendidikan untuk membina identiti pelajar berdasarkan kepada daya saing, persaingan dan perbezaan pendapat untuk pembangunan keusahawanan sosial khususnya (Ridvan, 2019).

Pihak kerajaan dan usahawan sosial sedia ada harus mempertimbangkan bakat generasi muda dan menyokong usaha mereka melalui bimbingan pakar atau pun dalam sudut kewangan untuk meningkatkan semangat dan aspirasi usahawan sosial muda. Usahawan sosial di kalangan pelajar universiti mempunyai tahap pengaruh yang tinggi dalam membawa niat keusahawanan sosial untuk pelajar sepengajian (Hariyaty et al., 2016). Berdasarkan kajian terdahulu, terbukti bahawa seseorang yang mempunyai tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi, mempunyai potensi untuk menjadi usahawan sosial pada masa akan datang (Sutha & Sankar, 2016).

Ada di kalangan pelajar universiti bakal menjadi pemimpin perniagaan pada masa hadapan. Mereka harus menangani masalah sosial yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan dengan melaksanakan penyelesaian seperti usaha melalui medium keusahawanan sosial. Sebagai langkah memudahkan proses pembelajaran yang akan memupuk minat keusahawanan sosial, pendidikan awal yang lebih holistik diperlukan. Oleh hal demikian, tindakan keusahawanan sosial pelajar bergantung pada pembelajaran dan kesedaran mengenai tanggungjawab sosial korporat dalam menyelesaikan permasalahan sosial. Selain itu, terdapat cadangan agar tenaga pengajar dan institusi pendidikan tinggi untuk meningkatkan daya inovasi dengan memanfaatkan teknologi Web 2.0 dalam menyampaikan ilmu berkenaan fasa pemikiran reka bentuk ke atas dunia keusahawanan sosial (Garcia, Martin & Garde, 2020).

## Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah tinjauan digunakan sebagai reka bentuk kajian yang terkenal dalam penyelidikan pendidikan kerana tinjauan boleh dilakukan lebih cepat serta lebih murah berbanding kaedah pengumpulan data primer lain seperti pemerhatian dan eksperimen (Jackson, 2011). Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenal pasti responden yang terlibat berdasarkan kepada status responden selaku pelajar. Responden kajian adalah pelajar universiti awam. Penentuan saiz sampel diambil berdasarkan jadual yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian (Krejcie & Morgan, 1970). Ukuran sampel bagi populasi pelajar universiti awam yang berjumlah 732,923 orang (KPT, 2020) ialah 384 responden yang terdiri daripada pelbagai tahap dan bidang pengajian.

Soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data secara formal dan sistematik sehingga data dapat dianalisis secara deskriptif dan inferensi (Ghazali & Sufean, 2016). Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan pendekatan secara atas talian (*Google Form*) melalui pendedaran borang soal selidik dalam aplikasi komunikasi atas talian. Memandangkan soal selidik diedarkan kepada pelajar universiti, soalan-soalan yang disediakan adalah mudah untuk difahami serta boleh diterima oleh responden dan pengkaji. Pendekatan ini dapat membantu dalam memudahkan proses kefahaman dan aturan menjawab soal selidik dengan lebih efisien dan berkesan (Giesen et al., 2012).

Soal selidik yang digunakan mempunyai tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A merupakan soal selidik berkaitan profil demografi responden yang mengandungi sembilan item. Bahagian B pula merupakan soal selidik berkaitan pengukuran fasa tindakan yang mengandungi 35 item daripada lima konstruk berkaitan elemen pemikiran reka bentuk yang telah dikenal pasti dan diadaptasi daripada kajian lepas (Dosi, Rosati & Vignoli, 2018). Bahagian C mengandungi persoalan yang meliputi aspek keusahawanan sosial yang mengandungi 10 item. Dalam bahagian ini, persoalan adalah menjurus kepada perspektif yang membincangkan tentang nilai-nilai dan prinsip keusahawanan sosial dalam diri.

Bagi memastikan instrumen soal selidik ini boleh digunakan, kajian rintis telah diadakan terhadap 56 orang responden. Jumlah keseluruhan *Cronbach Alpha* bagi instrumen ini ialah 0.97. Berdasarkan kajian Bond et al. (2015), nilai pekali minimum yang boleh digunakan pakai adalah pada tahap 0.60 hingga 0.70. Oleh yang demikian, nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.90 menunjukkan instrumen sangat baik dan boleh diterima (Stephanie, 2021). Ujian *Cronbach Alpha* bertujuan untuk melihat sama ada tinjauan skala *Likert* yang terdiri daripada pelbagai soalan adalah dipercayai. Nilai ujian *Bartlett's Test of Sphericity* diuji untuk menentukan nilai signifikan bagi pemikiran reka bentuk dan keusahawanan sosial di mana nilai  $p < 0.001$  iaitu 0.000 dan ini membuktikan hubungan antara item adalah memadai untuk analisis faktor. Berdasarkan syarat ujian KMO, analisis data melalui kajian menunjukkan nilai ujian KMO bagi setiap konstruk adalah lebih besar daripada 0.60 di mana setiap item adalah sah dan layak dianalisis (Yong & Pearce, 2013). Jadual 1 menunjukkan indeks kepercayaan dan nilai kesahan untuk setiap elemen pemikiran reka bentuk dalam kajian ini.

Jadual 1: Hasil Ujian Cronbach Alpha & Nilai Kesahan

Elemen	Indeks Kepercayaan	Nilai Kesahan (KMO)
Empati	0.76	0.75
Takrifan	0.93	0.89
Idea	0.89	0.86
Prototaip	0.93	0.84
Ujian	0.94	0.83

Dalam kajian ini, data dianalisis melalui kaedah analisis statistik deskriptif dan inferens yang melibatkan skor min dan sisihan piawai dalam penentuan tahap pengaruh pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam. Interpretasi Skor Min berdasarkan Munawwar (2009) seperti Jadual 2 berikut: skor min 1.00 hingga 2.00 berada di tahap rendah, skor min antara 2.01 hingga 3.00 berada di tahap sederhana rendah, skor min antara 3.01 hingga 4.00 berada di tahap sederhana tinggi manakala skor min antara 4.01 hingga 5.00 berada pada tahap tinggi. Data dalam kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* Versi 25.0 (SPSS).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Munawwar (2009)

## Hasil Kajian

Analisis data dilakukan dengan berpandukan jadual dan berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel yang terbabit. Antara taburan demografi responden ke atas soal selidik kajian ini adalah seperti yang dianalisis di dalam Jadual 3:

Jadual 3: Profil & Pencapaian Sampel Kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	84	21.9%
Perempuan	300	78.1%
Bangsa		
Melayu	320	83.3%
Cina	22	5.7%
India	26	6.8%
Lain-lain	16	4.2%
Umur		
18-22 tahun	244	63.5%
23-27 tahun	69	18.0%
28 tahun ke atas	71	18.5%
Tahap Pendidikan Semasa		
Diploma	15	3.9%
Sarjana Muda	296	77.1%
Sarjana	58	15.1%
Ijazah Doktor Falsafah	15	3.9%

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji mendapati bahawa bilangan sampel pelajar lelaki ialah seramai 84 orang iaitu 21.9% manakala pelajar perempuan seramai 300 orang iaitu berjumlah 78.1%. Majoriti bangsa pelajar terdiri daripada Melayu iaitu seramai 320 orang (83.3%), diikuti oleh India seramai 26 orang pelajar (6.8%), Cina seramai 22 orang (5.7%) dan lain-lain seramai 16 orang (4.2%). Daripada analisis deskriptif ini, peringkat umur pelajar 18-22 tahun merupakan yang tertinggi iaitu seramai 244 orang (63.5%), diikuti dengan peringkat umur 28 tahun ke atas seramai 71 orang (18.5%) dan 23-27 tahun seramai 69 orang (18.0%). Bagi tahap pendidikan semasa pula, pelajar di dalam pengajian sarjana muda merupakan jumlah paling tinggi iaitu 296 orang (77.1%) dan yang terendah ialah di peringkat diploma serta ijazah doktor falsafah dengan seramai 15 orang masing-masing (3.9%).

### ***Tahap Pemikiran Reka Bentuk Terhadap Keusahawanan Sosial Pelajar Universiti Awam***

Jadual 4 memaparkan nilai skor min untuk tahap pemikiran reka bentuk dalam kalangan pelajar universiti awam mempunyai nilai pada tahap tinggi dengan skor min = 4.12 (s.p = 0.41). Melalui dapatan, item B29-B35 (elemen Ujian) menunjukkan skor min tertinggi iaitu 4.27 (s.p = 0.51). Dalam item B33 (Saya melakukan pengujian untuk tujuan kebaikan) mendapati sejumlah 369 orang (96.1%) menyatakan persetujuan dengan kenyataan tersebut. Ini membuktikan bahawa pelajar bersetuju dan mengambil berat perihal pengujian ke atas prototaip yang dibangunkan agar tindakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan aktiviti yang dilakukan benar-benar mampu memberi impak yang lebih baik daripada sebelumnya. Skor min yang terendah ialah pada item B15-B21 (elemen Idea) iaitu 4.01 (s.p = 0.57). Untuk elemen Idea, dapatan skor min terendah diperolehi menunjukkan bahawa pelajar kurang yakin dengan keberkesanan penggunaan idea yang baru dalam pembangunan keusahawanan sosial. Bukti yang jelas diperolehi dalam item B18 (Saya mampu menyelesaikan masalah dengan secara kreatif) yang mendapati sejumlah 272 orang (70.8%) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 4: Skor Elemen Pemikiran Reka Bentuk

Elemen	Min	Sisihan Piawai
Empati	4.08	0.47
Takrifan	4.17	0.50
Idea	4.01	0.57
Prototaip	4.08	0.55

Ujian	4.27	0.51
<b>Keseluruhan</b>	4.12	0.41

Melalui Jadual 5 pula, seramai 268 orang pelajar (69.8%) hanya memilih bersetuju dengan item B08 (Saya tahu apa tindakan yang perlu diambil ke arah objektif yang lebih baik) dan merupakan penyumbang peratusan tertinggi kepada keseluruhan item. Ini bermakna pelajar mengetahui peranan mereka dalam menjadikan sesuatu perkara itu lebih baik. Membentuk pelbagai program serta aktiviti dalam usaha menimbulkan minat serta pengalaman ke atas pelajar dalam sektor keusahawanan sosial. Peratusan kedua tertinggi adalah pada item B23 (Dengan adanya prototaip, saya dapat melihat hasil yang berbeza) yang terdiri daripada 255 orang pelajar (66.4%) bersetuju dengan item tersebut. Manakala penyumbang kepada peratusan ketiga tertinggi adalah seramai 253 orang (65.9%) bersetuju dengan item B10 (Saya akan mencadangkan idea ke arah nilai yang lebih baik). Hal ini membuktikan bahawa pengalaman yang diterima oleh pelajar dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan di universiti telah memupuk percambahan idea baru dalam bidang keusahawanan sosial.

Jadual 5: Taburan Responden Bagi Dimensi Tahap Pemikiran Reka Bentuk

Item Reka Bentuk	STS	TS	KS	S	SS
<b>Empati</b>					
B01-Memahami perasaan pengguna	0.0%	1.6%	12.2%	63.8%	22.4%
B02-Merasakan masalah pengguna	0.0%	1.3%	13.8%	64.3%	20.6%
B03-Meletakkan diri sebagai pengguna	0.0%	0.5%	4.7%	55.2%	39.6%
B04-Sikap mudah bersimpati	0.3%	2.1%	5.5%	50.3%	41.9%
B05-Memberi sesuatu yang baru	0.3%	0.5%	11.7%	53.1%	34.4%
B06-Suka pada kelainan	2.6%	7.0%	38.8%	37.8%	13.8%
B07-Sikap suka membantu	0.3%	3.1%	12.0%	58.6%	26.0%
<b>Takrifan</b>					
B08-Mengetahui tindakan yang baik	0.8%	1.8%	10.7%	69.8%	16.9%
B09-Memahami kesan ke atas persekitaran	0.5%	1.0%	9.6%	72.4%	16.4%
B10-Mencadangkan nilai idea yang baik	0.8%	1.8%	6.5%	65.9%	25.0%
B11-Mengenalpasti permasalahan	0.5%	0.8%	3.1%	54.4%	41.1%
B12-Memahami jenis masalah	0.3%	1.0%	2.9%	53.6%	42.2%
B13-Mengenalpasti keutamaan masalah	0.5%	2.9%	13.3%	62.0%	21.4%
B14-Selesa bertukar pendapat	0.5%	2.6%	4.9%	51.6%	40.4%
<b>Idea</b>					
B15-Menggunakan idea dalam menyelesaikan masalah	0.0%	1.8%	9.1%	63.5%	25.5%
B16-Menggunakan idea baru dalam penciptaan	0.0%	3.1%	15.6%	59.9%	
B17-Yakin dapat menangani masalah					21.4%
B18-Mampu menyelesaikan masalah secara kreatif	1.0%	2.6%	22.1%	56.0%	
B19-Mengubah perkara yang tidak memberi manfaat	1.3%	2.6%	25.3%	54.4%	18.2%
B20-Mencipta sesuatu yang baru dan lebih baik	0.8%	1.6%	14.6%	61.2%	
B21-Mencipta idea yang terbaik untuk orang ramai	1.3%	1.8%	15.1%	59.1%	16.4%
	0.3%	1.3%	9.1%	53.6%	21.9%
					22.7%
					35.7%
<b>Prototaip</b>					
B22-Membangunkan prototaip untuk idea baru	0.8%	3.9%	16.4%	60.9%	18.0%
B23-Melihat hasil yang berbeza melalui prototaip	0.3%	2.6%	10.2%	66.4%	20.6%
B24-Prototaip bertujuan untuk idea yang lebih baik	0.3%	1.0%	9.6%	59.1%	29.9%



B25-Berfikir dan bertindak secara positif	0.5%	0.5%	6.8%	54.2%	38.0%
B26-Menunjukkan hasil fizikal berbanding teori	0.3%	1.8%	8.6%	61.7%	27.6%
B27-Selesa dengan prototaip untuk pembentangan	0.5%	1.8%	13.3%	62.5%	21.9%
B28-Mengubah hipotesis kepada prototaip	0.8%	2.3%	14.1%	64.7%	18.2%
<b>Ujian</b>					
B29-Melakukan ujian untuk idea baru	0.5%	0.8%	4.9%	58.6%	35.2%
B30-Positif menerima maklumbalas	0.0%	0.5%	3.6%	53.9%	41.9%
B31-Selesa untuk bereksperimen	0.3%	1.0%	7.0%	56.7%	34.1%
B32-Melakukan beberapa ujian	0.0%	0.8%	8.3%	57.6%	33.3%
B33-Melakukan pengujian untuk kebaikan	0.3%	0.5%	3.1%	58.3%	37.8%
B34-Melakukan fasa ujian untuk meneroka	0.0%	1.6%	5.7%	61.5%	31.3%
B35-Membincangkan kesilapan daripada hasil ujian	0.0%	1.6%	4.4%	61.2%	32.8%

Di dalam Jadual 6, menunjukkan skor peratusan ke atas item keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam. Berdasarkan keputusan kajian ini, peratusan tertinggi seramai 249 orang pelajar (64.8%) bersetuju dengan item C9 (Saya sentiasa turut serta dalam proses inovasi yang berkaitan dengan misi saya). Ini bermakna pelajar menerapkan unsur-unsur teknik inovasi dalam aktiviti yang dilaksanakan sebagai seorang usahawan sosial. Begitu juga dengan item C8 (Saya mengaplikasikan misi dalam menerapkan nilai sosial kepada umum – bukan hanya bersifat peribadi), didapati seramai 237 orang pelajar (61.7%) yang bersetuju dengan item tersebut. Diikuti dengan item C3 (Saya sentiasa melibatkan diri dalam penyesuaian yang berkaitan dengan misi sosial) didapati seramai 235 orang pelajar (61.2%) menyatakan persetujuan dengan persoalan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menumpukan kepada nilai kemasyarakatan dalam memenuhi objektif keusahawanan sosial yang dipraktikkan.

Jadual 6: Taburan Responden Bagi Dimensi Keusahawanan Sosial

Item	STS	TS	KS	S	SS
C1-Mengutamakan nilai sosial kepada masyarakat	0.3%	0.0%	3.6%	53.1%	43.0%
C2-Bersedia untuk mencari peluang baharu	0.0%	0.8%	3.9%	57.3%	38.0%
C3-Melibatkan diri dalam penyesuaian	0.3%	0.8%	11.7%	61.2%	26.0%
C4-Melaksanakan tugas dengan sifat kesungguhan	0.3%	0.8%	8.3%	59.1%	31.5%
C5-Sentiasa berusaha untuk mencari peluang	0.3%	0.5%	6.3%	58.9%	34.1%
C6-Sentiasa prihatin dengan hasil yang dipenuhi	0.0%	0.3%	5.5%	59.4%	34.9%
C7-Perubahan ke arah kebaikan melalui misi sosial	0.0%	1.0%	6.0%	59.9%	33.1%
C8-Mengaplikasikan misi penerapan nilai sosial	0.3%	0.5%	5.2%	61.7%	32.3%
C9-Turut serta dalam proses inovasi	0.3%	0.8%	9.1%	64.8%	25.0%
C10-Turut serta dalam proses pembelajaran	0.0%	0.8%	5.5%	59.9%	33.9%

### **Tahap Pemikiran Reka Bentuk Berdasarkan Jantina**

Jadual 7 adalah dapatan daripada ujian T tidak bersandar. Berdasarkan Jadual 7, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pemikiran reka bentuk berdasarkan jantina dengan nilai  $t = 0.019$  dan  $\text{sig} = 0.985$  ( $p > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi nilai min, pelajar lelaki (min = 4.12 dan SP = 0.44) mencatatkan tahap sikap penggunaan pemikiran reka bentuk yang sama dengan pelajar perempuan (min = 4.12 dan SP = 0.44). Walau bagaimanapun, hipotesis nol ( $H_0$ ) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar

universiti awam berdasarkan jantina adalah gagal ditolak pada aras signifikan  $P < .05$  ( $P = 0.985$  |  $t = 0.019$  |  $df = 382$ ). Dalam erti kata lain, tahap pemikiran reka bentuk dalam kalangan pelajar universiti awam tidak dipengaruhi oleh jantina. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai pengaruh pemikiran yang tinggi ke atas keusahawanan sosial. Pelajar lelaki dan perempuan tahu bagaimana hendak menggunakan elemen pemikiran reka bentuk sebagai satu medium bantuan dalam mendapatkan nilai keusahawanan sosial yang efektif dan positif ketika melaksanakan kegiatan kemasyarakatan kepada umum.

Jadual 7: Perbezaan Tahap Pemikiran Reka Bentuk Berdasarkan Jantina

Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig.
Lelaki	84	4.12	0.019	382	0.985	
Perempuan	300	4.12				

\* $p > 0.005$

## Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, secara keseluruhan tahap kecenderungan pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam berada pada tahap tinggi. Ini dibuktikan dengan nilai skor min untuk pemikiran reka bentuk ialah 4.12. Hal ini bermaksud bahawa pelajar menerapkan elemen pemikiran reka bentuk serta mempraktikkannya dalam tindakan yang sedikit sebanyak memberi impak positif ke atas bidang keusahawanan sosial. Umumnya, keadaan ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan asas dan latar belakang berkaitan elemen pemikiran reka bentuk. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 94.8% (364 orang) bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka berasa selesa meletakkan diri sebagai pengguna. Jelas di sini menunjukkan juga bahawa karakter modernisasi pelajar universiti menyedarkan mereka untuk bersifat lebih empati dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial (Christian, 2017). Pernyataan ini juga dibuktikan bahawa usahawan yang terdiri daripada golongan pelajar mempunyai sifat empati yang tinggi (Rohaida, 2016).

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar akan cuba memahami jenis permasalahan terlebih dahulu. Sebanyak 95.8% (368 orang) bersetuju dengan kenyataan tersebut dan ianya merupakan penyumbang peratusan kedua terbesar dalam dimensi keusahawanan sosial. Keputusan tersebut adalah wajar dilakukan dalam mengenal pasti kategori masalah. Secara tidak langsung akan memudahkan jenis tindakan yang perlu diambil untuk penyelesaian masalah (Kimmitt & Munoz, 2018). Bagi pelajar, kecenderungan untuk memahami jenis masalah adalah antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam membentuk aliran proses penyelesaian sesuatu permasalahan. Bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pengulangan proses dari peringkat permulaan setelah menemui jalan buntu di peringkat akhir proses kitaran masalah. Pelajar universiti ingin melihat sendiri penciptaan dan tindakan yang diambil secara fizikal dengan membina sebuah prototaip. Sebanyak 92.2% (354 orang) berasa selesa untuk berfikir dan bertindak secara positif. Seseorang yang ingin berinovasi dan mencipta pengalaman, produk serta perkhidmatan yang lebih baik untuk pengguna atau pelanggan sasaran mungkin mendapat manfaat daripada penerapan elemen tertentu yang boleh meningkatkan pemikiran dan kreativiti mereka (Suhaila & Malek, 2021). Pemikiran reka bentuk adalah pendekatan untuk pelajar menumpukan pada pembangunan keyakinan kreatif dan juga menghadapi cabaran dalam membina kreativiti dengan membangunkan elemen empati, menggalakkan kecenderungan untuk bertindak, menggalakkan pembinaan idea, membangunkan kesedaran metakognitif dan memupuk penyelesaian masalah kreatif. Justeru, semestinya hasil pengalaman pelajar yang terlibat berdasarkan aktiviti perniagaan menjadi satu elemen utama dalam pembangunan sikap keusahawanan sosial.

Melalui hasil kajian ini, didapati bahawa golongan muda mempunyai semangat dan komited dalam melaksanakan aktiviti perusahaan, perniagaan dan program kemasyarakatan dengan menggunakan

perancangan yang bersistematik. Hasil kajian jelas menunjukkan pelajar yang mengutamakan nilai sosial kepada masyarakat dan bukan hanya untuk nilai peribadi. Dibuktikan dengan peratusan tertinggi sebanyak 96.1% (369 orang) bagi item C1 di dalam Jadual 6. Pelajar lebih gemar untuk menyumbangkan nilai sosial yang positif kepada masyarakat umum dalam setiap aktiviti yang mereka jalankan berbanding untuk mengaut keuntungan semata-mata. Sehubungan itu, setiap pelajar universiti perlu sentiasa mengekalkan tahap motivasi sendiri masing-masing dalam memberi impak yang baik terhadap umum. Daripada dapatan juga, terdapat seramai 311 orang pelajar (81.0%) mempunyai pengalaman terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan. Begitu juga dengan tahap pengalaman pelajar dalam perniagaan dan aktiviti sosial dilihat tinggi dengan seramai 304 orang pelajar (79.1%) mempunyai pengalaman hingga 5 tahun dalam keterlibatan mereka berhubung dengan aktiviti dan perusahaan. Sokongan tahap pendidikan juga memainkan peranan dalam mewujudkan minat dan kesungguhan pelajar terhadap penerapan elemen pemikiran reka bentuk adalah selari dengan dapatan kajian (Norzulaikha, 2021) yang mendapati bahawa pengaruh faktor sokongan pendidikan adalah tinggi.

Dapatan kajian turut mendapati bahawa tahap pemikiran reka bentuk berdasarkan faktor demografi adalah sama tinggi untuk kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan dengan skor min 4.12. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk tahap pemikiran reka bentuk dalam kalangan pelajar universiti awam berdasarkan jantina. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan yang besar dalam membezakan tahap kecenderungan ke arah penerapan teknik pemikiran reka bentuk dalam setiap aktiviti keusahawanan sosial. Pernyataan ini selari dengan dapatan kajian Nurull dan Isha (2017) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap keyakinan diri mengikut jantina. Kedua-dua faktor demografi ini sebenarnya mempunyai tahap penerapan pemikiran reka bentuk yang tinggi berdasarkan kepada jadual interpretasi skor min (Munawwar, 2009).

## Kesimpulan

Hasil penemuan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam berada pada tahap tinggi. Seterusnya, membuktikan bahawa penerapan elemen pemikiran reka bentuk memberi impak kepada pengurusan keusahawanan sosial yang lebih teratur. Jelas menunjukkan setiap pelajar menitikberatkan elemen empati, takrifan, idea, prototaip dan ujian sebelum mereka mengambil sebarang keputusan atau pun tindakan. Terdapat banyak elemen yang dikemukakan dalam kajian ini telah diulas terbukti memberi kesan positif kepada pembangunan keusahawanan sosial.

Penekanan kepada pengintegrasian kreativiti dan inovasi dalam bidang keusahawanan sosial di kalangan pelajar universiti awam memberi pendedahan serta impak kepada tindakan pelajar dalam mengambil sebarang keputusan bersesuaian dengan objektif dalam meningkatkan nilai sosial masyarakat. Tidak dinafikan bahawa konsep pemikiran reka bentuk masih agak baru dalam dunia keusahawanan. Namun, pelajar hendaklah berani mencuba sesuatu yang baru sebagai pendekatan unik ke atas aktiviti keusahawanan sosial. Sebagai pemangkin transformasi, pelajar universiti memainkan peranan penting dalam membawa kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi keusahawanan sosial. Implikasi dalam kajian ini mencadangkan agar konsep pemikiran reka bentuk perlu diteruskan penggunaannya dalam aspek keusahawanan. Dengan penerapan elemen yang bersistematik dalam proses pembangunan keusahawanan sosial, ia mampu memberi sumbangan kepada daya keberhasilan produk dan nilai sosial masyarakat yang tinggi untuk masa depan. Jika sebelum ini, pemikiran reka bentuk hanya digunakan di dalam bidang kejuruteraan, maka dengan penggunaan di dalam bidang lain akan membuka perspektif baru dalam pembangunan idea dan tindakan kepada pelajar universiti. Hasil daripada kajian ini membuka persepsi dalam mengukur sejauh mana pengaruh pemikiran reka bentuk mampu memberi impak kesan positif kepada pelajar universiti awam dan berpotensi dalam mempertingkatkan kompetensi sosial masyarakat umum khususnya.

## Rujukan

- Acar, Ahmet & Rother, Daniel. (2011). Design Thinking in Engineering Education and its Adoption in Technology-driven Startups. 10.1007/978-3-642-20183-7\_9.
- Afreen Huq & David Gilbert. (2017). All the World's a Stage: Transforming Entrepreneurship Education Through Design Thinking. *Education + Training*, 59(2), 155-170.
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Andriyansah & Femilia Zahra. (2017). Student Awareness Towards Social Entrepreneurship: A Qualitative Study. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 8(6), 457-464.
- B. Lewis J, S. Brady S, Sutcliffe S, L. Smith A, R. Mueller E, Rudser K, D. Markland A, Stapleton A, Gahagan S, Cunningham SD. (2020). Converging on Bladder Health through Design Thinking: From an Ecology of Influence to a Focused Set of Research Questions. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(12), 4340.
- Carlos Bazan, Hannah Gaultois, Arifusalam Shaikh et al. (2019). Effect of the University on the Social Entrepreneurial Intention of Students. *New England Journal of Entrepreneurship*, 23(1), 3-24, Emerald Publishing Limited, 2574-8904.
- Christian, Michael. (2017). Pengaruh Faktor Perilaku Pada Kelompok Millineal Terhadap Keinginan Untuk Berwirausaha. *Journal of Business & Applied Management*, 10. 10.30813/jbam.v10i02.930.
- Ciruela-Lorenzo, A. M., González-Sánchez, A., & Plaza-Angulo, J. J. (2020). An Exploratory Study on Social Entrepreneurship, Empowerment and Peace Process. The Case of Colombian Women Victims of the Armed Conflict. *Sustainability*, 12(24), 10425. doi:10.3390/su122410425
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Danah Henriksen, Carmen Richardson & Rohit Mehta. (2017). Design thinking: A Creative Approach to Educational Problems of Practice. *Thinking Skills and Creativity*, 26(1), 140-153.
- Dosi, Clio & Rosati, Francesca & Vignoli, Matteo. (2018). *Measuring Design Thinking Mindset*. 1991-2002. 10.21278/idc.2018.0493.
- García-Morales, Víctor & Martín-Rojas, Rodrigo & Garde Sanchez, Raquel. (2020). How to Encourage Social Entrepreneurship Action? Using Web 2.0 Technologies in Higher Education Institutions. *Journal of Business Ethics*, 161. 1-22. 10.1007/s10551-019-04216-6.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. University of Malaya Press.
- Giesen D., Meertens V., Vis-Visschers R., & Beaukenhorst D. (2012). *Questionnaire development. Netherlands: The Hague*.
- Gregory E. Gilbert & Susan Prion. (2016). Making Sense of Methods and Measurement: Lawshe's Content Validity Index. *Clinical Simulation in Nursing*. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.ecns.2016.08.002>
- H.M Kamrul Hassan. (2020). Intention Towards Social Entrepreneurship of University Students in an Emerging Economy: The Influence of Entrepreneurial Self-Efficacy and Entrepreneurship Education. *On the Horizon*, 28(3), 133-151. <https://doi.org/10.1108/OTH-04-2020-0012>
- Ibrahim Mamat, Aslina Nasir & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. (2016). Projek Keusahawanan Sosial Dapat Memenuhi Keperluan Penduduk Miskin dan Miskin Tegar. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 6(10), 147-165.
- Ida Nadia Hamidon & Khairul Anuar Mohd Ali. (2016). Peranan Universiti Sebagai Pembimbing Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 48-54.
- Irin Sutha & P. Sankar. (2016). Entrepreneurial Intention and Social Entrepreneurship among University Students in Chennai City. *International Journal of Engineering Studies*, 8(1), 93-106.
- Jackson, S.L. (2014). *Research Methods and Statistics: A Critical Approach*. 5th edition, Cengage Learning, p.17. Jacksonville University Publishing.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). *Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020*. [https://pnc.upm.edu.my/upload/dokumen/menu320171013112713Pelan\\_Tindakan\\_Keusahawanan\\_IPT\\_20162020.pdf](https://pnc.upm.edu.my/upload/dokumen/menu320171013112713Pelan_Tindakan_Keusahawanan_IPT_20162020.pdf)

- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2020). *Statistik Pengajian Tinggi 2020*. <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/statistik/2020/493-statistik-pendidikan-tinggi-2020-04-bab-2-universiti-awam/file>
- Kimberly Elsbach & Ileana Stigliani. (2018). Design Thinking and Organizational Culture: A Review and Framework for Future Research. *Journal of Management*, 44(1), 1–33.
- Kimmitt, J., & Muñoz, P. (2018). Sensemaking the ‘Social’ in Social Entrepreneurship. *International Small Business Journal*, 36(8), 859–886.
- Martin Meinel, Tobias T. Eismann, Christian V. Baccarella, Sebastian K. Fixson & Kai-Ingo Voigt. (2020). Does Applying Design Thinking Result in Better New Product Concepts Than a Traditional Innovation Approach? An Experimental Comparison Study. *European Management Journal*, 38(4), 661-671.
- Matthew Lynch, Uladzimir Kamovich, Kjersti K. Longva, Martin Steinert. (2021). Combining Technology and Entrepreneurial Education Through Design Thinking: Students' Reflections on the Learning Process. *Technological Forecasting and Social Change*, 164(2), 119689.
- Melissa T. Greene. (2019). *Systems Design Thinking: Identification and Measurement of Attitudes for Systems Engineering, Systems Thinking, and Design Thinking* (Order No. 27614313). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (2352101133). Retrieved from <https://www-proquest-com.ezplib.ukm.my/dissertations-theses/systems-design-thinking-identification/docview/2352101133/se-2?accountid=27931>
- Norasmah Othman, Hariyaty Ab. Wahid & Armanurah Mohamad. (2019). *Pendidikan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin & Rahmah Ismail. (2012). Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding PERKEM*, 7(1), 435-445.
- Nur Amelia Adam & Lilia Halim. (2019). *Cabaran Pengintegrasian Pendidikan STEM Dalam Kurikulum Malaysia*. Seminar Wacana Pendidikan 2019 (SWAPEN 2.0)
- Nurull Salmi Md. Dazali & Isha Awang. (2017). Tahap Keyakinan Diri dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan, di Universiti Utara Malaysia. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 3(1), 30-40.
- Nurzulaikha Amran & Noor Aslinda Abu Seman. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499–1508.
- Pallant, J., & Manual, S. S. (2007). *A Step-by-Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows*. In SPSS Survival manual. Open University Press.
- Rael Futerman. (2017). *Design Thinking Can Prepare Graduates for the Real Working World*. The Conversation-Academic Rigour, Journalistic Flair. <https://theconversation.com/design-thinking-can-prepare-graduates-for-the-real-working-world-72509>
- Ridvan Cinar. (2019). *Delving into Social Entrepreneurship in Universities: Is it Legitimate Yet? Regional Studies*.
- Rikke Dam & Teo Siang. (2020). *What is Design Thinking and Why Is It So Popular?* Interaction Design Foundation. Interaction-Design.org.
- Rohaida Muslim. (2016). *Pengaruh Tingkah Laku Terancang, Kecerdasan Emosi dan Daya Tahan Terhadap Hasrat Keusahawanan Pelajar* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Stefanie Panke. (2019). Design Thinking in Education: Perspectives, Opportunities and Challenges. *Open Education Studies*, 1(1), 281-306.
- Stephanie Glen. (2021). *Cronbach's Alpha: Simple Definition, Use and Interpretation* – From StatisticsHowTo.com: Elementary Statistics for the rest of us!<https://www.statisticshowto.com/probability-and-statistics/statistics-definitions/cronbachs-alpha-spss/>
- Suhaila Che Noh & Abdul Malek Abdul Karim. (2021). Design Thinking Mindset to Enhance Education 4.0 Competitiveness in Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 10(2), 494~501.
- Suraiya Ishak & Ahmad Rafli Che Omar. (2015). Keusahawanan Sosial Sebagai Satu Pendekatan Inovatif ke Arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian Kes di Malaysia. *Geografia Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 38-51.

- Szostak, B. & Boughzala, Y. (2021). The Role of Design Thinking in Corporate Social Responsibility (CSR) Strategy and its Influence on Innovation. *Journal of Innovation Economics & Management*, 34(1), 169-195.
- Thompson Reuters Foundation. (2019). *The Best Countries to be a Social Entrepreneur*. <https://poll2019.trust.org/>
- Tim Brown & Jocelyn Wyatt. (2010). *Design Thinking for Social Innovation*. Stanford Social Innovation Review Winter 2010. Stanford Graduate School of Business, Leland Stanford Jr. University Publishing.
- Yong, A. G. & Pearce, S. (2013). A Beginner's Guide to Factor Analysis: Focusing on Exploratory Factor Analysis. *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology*, 9(2), 79-94.
- Zulnaidi Yaacob & Mohd Kamil Mohd Salki. (2018). Meramal Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Karakteristik Individu dan Pendidikan Keusahawanan. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 45-57.